



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

LEM/MAK/357
17 November 2025

Untuk Kegunaan Rasmi Sahaja

**STATUS PELAKSANAAN PROGRAM KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN
KESEDARAN AWAM (COMMUNICATION, EDUCATION, AND PUBLIC
AWARENESS, CEPA) OLEH LYNAS MALAYSIA SDN. BHD. (LYNAS)**

Makluman daripada Setiausaha Eksekutif

TUJUAN

1. Kertas makluman ini disediakan adalah untuk memaklumkan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) berkenaan status pelaksanaan program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) oleh Lynas Malaysia Sdn Bhd daripada 3 Mac 2023 hingga 30 September 2025.

LATAR BELAKANG

2. Lesen terkini syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas) dengan nombor lesen LPTA/A/1333 telah diperbaharui oleh Lembaga bagi tempoh 3 tahun mulai 3 Mac 2023 hingga 2 Mac 2026 dan ia tertakluk kepada syarat-syarat lesen yang diperuntukkan di bawah Seksyen 17, Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304). Salah satu daripada syarat lesen tersebut adalah berkaitan dengan keperluan pelaksanaan program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) seperti petikan syarat lesen nombor 41 seperti berikut:

41. Program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (Communication, Education, and Public Awareness, CEPA)

Pemegang lesen hendaklah melaksanakan program CEPA secara berkala dan berterusan bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran sinaran bagi meningkatkan penerimaan awam.

3. Jabatan Tenaga Atom telah mengeluarkan surat arahan agar Lynas untuk mengemukakan laporan lengkap terhadap program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) yang telah dilaksanakan sebagai langkah pemantauan terhadap syarat lesen nombor 41 (**LAMPIRAN 1**).

PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

4. Pada 3 Oktober 2025, Lynas telah mengemukakan 2 laporan CEPA yang masing-masing *dilaksanakan oleh pihak Lynas sendiri dan juga Malaysia Association of Research Scientists (MARS) bawah dana Pembangunan dan Penyelidikan (R&D)*. Ringkasan program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam yang dilaksanakan oleh Lynas seperti **Jadual 1**:

Jadual 1: Ringkasan Program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA)

Bil	Kategori Aktiviti	Aktiviti
1	Lawatan fasiliti Lynas	Lynas telah menerima lawatan daripada • univeristi tempatan seperti UMPSA, UTHM, UTP, USM, dan lain universiti; dan • pihak kerajaan termasuk KSU MOSTI, JMG, IKM Pahang.
2	Jerayawara (Roadshow) dan pameran	Lynas telah menyertai jerayawara yang dianjurkan oleh UKM, USM, <i>MyFutureJobs</i> program oleh

		PERKESO dan <i>Sennano Conference 2025</i> oleh IEEE.
3	Keterlibatan	Lynas telah bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk: • Lawatan Timbalan Naib Canselor daripada 20 Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia; • Lawatan dan aktiviti pembelajaran daripada 14 buah sekolah tempatan; • Program kitar semula bersama Chengal Lempong komuniti; • Program Iftar Ramadan bersama pihak berkuasa tempatan; • Program Jamuan raya dengan masyarakat setempat; dan • Program sambutan Tahun Baru Cina bersama sekolah tempatan.
4	Tanggungjawab sosial korporat	Lynas telah memberikan sumbangan bekalan harian kepada 18 kampung setempat selain rumah kebajikan seperti Baitul Husna, Dapur Infaq, Rumah Cahaya Kasih, Jabor Old Folks Home, Alor Akar Special Child Care Centre dan Rapha Homes.
5	Program kesedaran awam	Lynas telah menganjurkan program "<i>Lynas Back To School Program</i>" bagi menyediakan kelengkapan sekolah bagi pelajar/ murid daripada 18 sekolah setempat Lynas telah bekerjasama dengan Indera Mahkota Radiology untuk program kesedaran pada Hari Radiologi Sedunia. Lynas telah menyumbang dalam program <i>National Geomatics/Feoinformatics Student Innovation</i>

		Program dan menaja pihak UTM untuk <i>International Conference On Frontiers of Chemical and Materials Engineering 2025</i>
6	Kelestarian	Lynas menaja dalam pelbagai program kelestarian seperti: • <i>Eco-Schools Programme</i> di Kuantan; • Pembersihan pantai oleh Majlis Bandaraya Kuantan; • Pine Replanting Programme; dan • Run For Peace.
7	Lain-lain	Lynas telah mengadakan pelbagai aktiviti bersama pihak berkuasa seperti: • Pertandingan bowling dengan DOE • Futsal dengan Aurelius Hospital • Kuantan Port 50 Anniversary • Pengagihan laptop dan mesin cetak dengan PDRM • Pengagihan 2 unit meter tinjau kepada pasukan HAZMAT

5. Manakala pihak MARS telah menganjurkan program *Thorium Talk Series* (TTS) Seminar 2024 pada 17 Disember 2024 dan *Exploration Thorium & Rare-Earth* (XThREE) seminar akan diadakan pada 28 Oktober 2025.

SYOR

6. Maka disyorkan agar Lembaga mengambil maklum berkenaan status pelaksanaan program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) oleh Lynas Malaysia Sdn Bhd daripada 3 Mac 2023 hingga 30 September 2025.

LAMPIRAN 1



IBU PEJABAT JABATAN TENAGA ATOM
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil,
Selangor Darul Ehsan



DEPARTMENT OF ATOMIC ENERGY
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION (MOSTI)
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil,
Selangor Darul Ehsan

Telefon : +60-3-8922 5888
E-mel : kplpta@aelb.gov.my
Web : http://www.aelb.gov.my

Lynas Malaysia Sdn. Bhd.
Lot PT 17212, Jalan Gebeng 3,
Kawasan Perindustrian Gebeng, Balok,
26080 Kuantan,
Pahang.

LPTA(S):P&P/026/666

U.P.: YBRS. DR. ISMAIL BIN BAHARI

11 September 2025

ORANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP LESEN (OBTL)

YBrs. Dr.,

SYARAT LESEN NO. 41 LESEN LPTA/A/1333 (ID 29773) - LAPORAN PROGRAM KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN AWAM (CEPA)

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas dan syarat-syarat lesen Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Nombor Lesen: LPTA/A/1333) bernombor ID 29773 adalah berkaitan.

2. Jabatan Tenaga Atom ingin menarik perhatian YBrs. Dr. mengenai syarat lesen nombor 41 bagi lesen Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas) LPTA/A/1333 seperti petikan di bawah:

"41 Pemegang lesen hendaklah melaksanakan program CEPA secara berkala dan berterusan bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran sinaran bagi meningkatkan penerimaan awam."

Sehubungan dengan ini, bagi tujuan perenggan 2 di atas Jabatan Tenaga Atom ingin mendapatkan **laporan lengkap mengenai aktiviti atau program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) dan Keputusan Keberkesanannya** untuk tindakan lanjut oleh Jabatan ini.

3. Oleh yang demikian, pihak Lynas dengan ini diarahkan untuk mengemukakan laporan lengkap kepada Jabatan ini bagi pematuhan kepada syarat lesen nombor 41 bagi lesen LPTA/A/1333 tersebut **selewat-lewatnya pada 1 Oktober 2025 (Rabu)**.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02368

**SYARAT LESEN NO. 41 LESEN LPTA/A/1333 (ID 29773) - LAPORAN PROGRAM
KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN AWAM (CEPA)
(11 SEPTEMBER 2025)**


4. Sekiranya pihak YBrS. Dr. memerlukan maklumat lanjut berhubung dengan perkara ini, Pegawai-pegawai jabatan ini yang boleh dihubungi adalah En. Mohd Zulfadli bin Ramli (Seksyen Pemeriksaan, Bahagian Kawalselia Sinaran) di talian 03-8922 5888 sambungan 5818; e-mel zulfadli@atom.gov.my atau En. Ngu Thieng Kui (Seksyen Pemeriksaan, Bahagian Kawalselia Sinaran) di talian 03-8922 5888 sambungan 5743; e-mel ngutk@atom.gov.my.

Sekian, terima kasih

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAFIDZ BIN ATTAN)

Bahagian Kawalselia Sinaran
b.p.: Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Edaran dalaman:

YBrS. Puan Hajah Noraishah binti Pungut
Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Atom

YBrS. Puan Hajah Monalija binti Kostor
Timbalan Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Atom